



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,  
Regional Development, Communications and the Arts

# Soalan yang sering ditanya

## Penggantian sesalur air dari tangki Summit ke tangki Drumsite di Pulau Christmas

Mei 2023

### Apakah projek penggantian sesalur air dari tangki Summit ke tangki Drumsite?

Jabatan Infrastruktur, Pengangkutan, Pembangunan Regional, Komunikasi dan Seni (Jabatan) telah mengambil khidmat Perbadanan Air untuk menggantikan sebahagian sesalur air sepanjang 3.5km dari tangki Summit ke tangki Drumsite di Pulau Christmas (CI).

Kerja penggantian sesalur air akan bermula dari tangki Summit di Taman Negara dan diteruskan ke arah tangki Drumsite sepanjang Murray Road. Bahagian sesalur air inilah yang paling sukar dicapai oleh Perbadanan Air untuk dibaiki semasa musim tengkujuh dan penghijrahan tahunan ketam. Bahagian ini juga terdedah kepada pergerakan kenderaan berat.

### Mengapakah projek ini dijalankan?

Sesalur air dari tangki Summit ke tangki Drumsite kehilangan kira-kira 50 peratus bekalan air minum komuniti setiap bulan akibat kebocoran. Oleh sebab Pulau ini terdedah kepada kemarau, kekurangan isi padu air sebanyak ini tidak boleh diterima.

Talian paip ini pada asalnya dipasang di bahu jalan Murray Road. Selepas beberapa lama, kerja penyelenggaraan jalan menyebabkan jalan menjadi semakin lebar. Pelebaran permukaan jalan telah mencepatkan kadar kebocoran disebabkan gegaran serta kesan lalu lintas yang banyak di atasnya dan berhampiran talian paip. Hal ini terbukti oleh bilangan kerja pembaikan kebocoran yang berkang apabila bahagian jalan ini ditutup semasa penghijrahan tahunan ketam.

### Siapakah yang akan melaksanakan projek ini?

Perbadanan Air akan menyampaikan projek infrastruktur ini melalui Aturan Penyampaian Perkhidmatan Wilayah Lautan Hindi bersama Kerajaan Australia melalui Jabatan ini.

Perbadanan Air telah mengambil khidmat Civcon Civil & Project Management Pty Ltd, iaitu sebuah syarikat di Western Australia, untuk melakukan kerja pembinaannya.

Untuk memenuhi keperluan Kerajaan Australia, Perbadanan Air perlu mendapatkan khidmat kontraktor yang ditauliahkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Keselamatan Persekutuan. Oleh sebab sesalur air dikelaskan sebagai kontrak Kerja Besar oleh Perbadanan Air, kontraktor yang berjaya itu juga dikehendaki memiliki pentaulahan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Tingkat 1 disebabkan reka bentuk dan binaannya yang sangat kompleks, selaras dengan piawaian yang berkenaan. Civcon Civil & Project Management Pty Ltd menepati semua keperluan ini.

Perbadanan Air menyediakan perkhidmatan air dan air sisa kepada komuniti CI sejak tahun 2000.

## Bilakah kerja ini akan dimulakan?

Pada 17 Februari 2022, Jawatankuasa Tetap Parlimen berkenaan dengan kelulusan Kerja Raya diterima untuk menjalankan kerja menggantikan sesalur air ini.

Kerja pembinaan dijangka bermula di Pulau ini pada bulan Mei 2023 dan dianggarkan siap pada bulan November 2023.

## Bagaimakah pandangan komuniti ini diambil kira?

Jabatan ini berganding bahu dengan Perbadanan Air untuk memastikan bahawa komuniti sentiasa diberitahu mengenai setiap peringkat projek. Penduduk dan pelawat di Pulau Christmas penting disediakan dengan air yang selamat diminum.

Maklumat dan perkembangan terkini mengenai projek ini akan disediakan untuk pengetahuan komuniti melalui siaran media, buletin komuniti, helaian fakta dan laman web Jabatan ini. Ada kalanya, anggota pasukan projek akan berada di CI untuk bercakap terus dengan pihak-pihak penting yang terjejas dan anggota komuniti mengenai projek ini.

## Bagaimakah caranya saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Jika anda memerlukan maklumat selanjutnya tentang kerja ini, sila hubungi pasukan projek melalui alamat e-mel [IOTSDA@infrastructure.gov.au](mailto:IOTSDA@infrastructure.gov.au).